

Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI  
Tajuk : PERUTUSAN SEMPENA SAMBUTAN HARI KANAK-KANAK SEDUNIA (RAKAMAN  
AKAN DIADAKAN PADA HARI RABU 15HB. OKTOBER, 1986)  
Lokasi : MELALUI RADIO DAN TELEVISYEN MALAYSIA  
Tarikh : 24-10-1986

Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Esok 25hb. Oktober seluruh negara akan meraikan Hari Kanak-Kanak Sedunia yang ketiga puluh tiga. Ia merupakan satu masa bagi kita semua menumpukan perhatian dan memupuk keazaman untuk memastikan anak-anak kita membesar dengan sempurna dalam suasana yang stabil dan aman.

2. Hari Kanak-Kanak Sedunia mula diraikan oleh negara-negara ahli Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu pada tahun 1953. Ianya berikutan syor Kesatuan Kebajikan Kanak-Kanak Antarabangsa kepada Persidangan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu pada tahun 1952. Bertitik-tolak daripada syor tersebut, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu telah membuat satu resolusi memandatkan UNICEF mengadakan Hari Kanak-Kanak Sedunia setiap tahun mulai tahun 1953.

Kini, Hari Kanak-Kanak Sedunia disambut oleh tidak kurang daripada 149 buah negara di seluruh dunia pada tarikh yang ditentukan oleh negara masing-masing.

3. Bagi negara kita, Hari Kanak-Kanak Sedunia disambut pada hari Sabtu terakhir bulan Oktober setiap tahun.

Perayaannya mempunyai dua objektif utama, iaitu:- - memberi kesedaran kepada masyarakat terhadap segala keperluan serta isu penting berkaitan dengan kanak-kanak, di samping menekankan tanggungjawab masyarakat, khususnya ibubapa terhadap pendidikan kanak-kanak yang sempurna, dan - mengadakan program kegiatan kreatif serta hiburan.

4. Tema Hari Kanak-Kanak Sedunia pada tahun ini ialah 'Kedamaian Teras Kesejahteraan Kanak-Kanak'. Tema ini selaras dengan perisytiharan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu yang mengiktiraf tahun 1986 sebagai 'Tahun Kedamaian Antarabangsa'. Tema ini sangatlah tepat kerana ia akan menyedarkan masyarakat kita khususnya, dan dunia amnya, betapa pentingnya kedamaian sebagai asas mewujudkan kesejahteraan kanak-kanak dan keharmonian generasi akan datang. Dengan demikian, sambutan Hari Kanak-Kanak Sedunia ini bermaksud mengingatkan kita semua bahawa kanak-kanak merupakan satu golongan masyarakat yang memerlukan perhatian serius daripada semua pihak. Kedamaian pula bukan sahaja bermakna suasana tanpa konflik, tetapi ia haruslah diertikan sebagai keadilan, kesamarataan hak, peluang penyertaan bersama dan pembangunan seimbang yang mana amalannya bermula dari peringkat keluarga.

5. Mengikut perangkaan UNICEF, lebih daripada 40,000 orang kanak-kanak mati setiap hari di seluruh dunia di samping 40,000 orang lagi mengalami kecacatan. Bayangkanlah jumlah sebesar ini kanak-kanak yang lenyap begitu sahaja, dalam tempoh satu hari di seluruh dunia terutama dunia ketiga, disebabkan kebuluran, kekurangan zat makanan dan serangan penyakit sampingan. Ini tidak termasuk bilangan kanak-kanak yang mati dan menderita akibat bencana perang, konflik ideologi dan politik.

6. Bagi negara kita, kira-kira separuh penduduknya terdiri daripada golongan muda dalam lingkungan umur 18 tahun ke bawah. Demikian besarnya golongan ini. Lebih-lebih lagi jika ditinjau pula perkembangan kependudukan negara kita, golongan kanak-kanak merupakan satu golongan yang tidak statik, tetapi terus bertambah tahun demi tahun. Maka wajar benarlah kita menyedari tanggungjawab kita sebagai anggota masyarakat, khususnya ibubapa untuk memastikan bahawa perkembangan kanak-kanak di negara ini supaya mereka membesar dengan sempurna.

7. Syukur alhamdulillah, dengan segala kemudahan yang dibekalkan oleh Kerajaan, negara ini telah berjaya menurunkan kadar kematian bayi yang berumur sebulan ke bawah kepada 15 orang bagi setiap 1,000 orang kanak-kanak pada tahun 1980, berbanding dengan 30 orang bagi setiap 1,000 orang

kanak-kanak pada tahun 1960. Kerajaan akan berusaha terus untuk mengurangkan lagi kadar ini.

8. Di samping itu, pelajaran yang diperolehi oleh kanak-kanak negara kita di peringkat persekolahan rendah adalah tidak mengira keturunan, agama, seks atau status keluarga. Mereka yang memerlukan bantuan seperti kanak-kanak cacat telah diberi layanan khas. Terdapat juga di negara ini agensi-agensi Kerajaan dan pertubuhan-pertubuhan sukarela yang berusaha melindungi kanak-kanak dari pengabaian, penderaan dan penjenayahan.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

9. Sesuatu masyarakat yang pesat membangun tidak dapat mengelakkan pendedahan kepada keganasan dan lain-lain pengaruh negatif melalui media, kelompok rakan dan keadaan sekeliling yang mengakibatkan kanak-kanak hari ini menghadapi berbagai-bagai masalah. Oleh kerana ini, maka cara mendidik anak semakin menjadi kompleks. Masyarakat kita tidak terkecuali. Proses "mendewasakan" kanak-kanak tidak mungkin tertumpu kepada satu-satu pihak sahaja. Malah persoalan kanak-kanak itu sendiri tidak boleh terpisah daripada persoalan ekonomi, politik, sosial, budaya, pendidikan dan sebagainya.

10. Akhbar-akhbar kita melaporkan persoalan disiplin di sekolah, pengaruh yang kurang sihat daripada alam sekeliling yang menjejaskan perkembangan kanak-kanak, penglibatan anak-anak muda dalam penyalah-gunaan dadah, pengabaian dan penderaan kanak-kanak, polarisasi kaum di kalangan kanak-kanak dan berbagai isu berkaitan dengan kanak-kanak.

Perkara-perkara ini harus dititik-beratkan oleh kita semua dan seterusnya bertindak secara langsung dalam menghadapinya.

11. Kita semua sedar perubahan cara hidup akan melahirkan masalah dan cabaran baru seperti perubahan norma sosial, masalah kesihatan dan sebagainya. Maka pendidikan pembangunan atau 'development education' menjadi semakin penting diperkenalkan kepada masyarakat. Maksud utama daripada pendidikan pembangunan ini ialah menimbulkan rasa sensitif orang ramai untuk memahami maksud pembangunan dan melibatkan diri secara aktif dan kreatif dalam setiap usaha pembangunan.

12. Dalam persoalan kanak-kanak khususnya, pertubuhan-pertubuhan sukarela hendaklah tampil membantu menambahkan kemudahan untuk kanak-kanak cacat dan kanak-kanak yang kurang bernasib baik, serta mengelakkan pengabaian, penderaan, seksaan dan penjenayahan di kalangan kanak-kanak. Dalam sektor swasta pula, TASOKA dan TABIKA harus memastikan bahawa kakitangan mempunyai kemahiran untuk memenuhi keperluan perkembangan kanak-kanak yang sempurna daripada segi fizikal, mental, emosi dan kerohanian. Di samping itu, pertubuhan-pertubuhan belia yang mempunyai kemampuan boleh memberi perkhidmatan kepada kanak-kanak dalam usaha menarik minat mereka kepada aktiviti-aktiviti yang sihat dan kreatif.

13. Saya berharap, pertubuhan-pertubuhan sukarela bagi kebajikan kanak-kanak akan bersama-sama mengkaji rancangan-rancangan yang telah dilaksanakan untuk diselaraskan dengan keperluan-keperluan yang baru bagi menentukan semula projek-projek keutamaan mereka. Dengan adanya perancangan yang realistik, ianya dijangka akan dapat menarik perhatian dan minat sektor swasta untuk turut sama atau sekurang-kurangnya memberi bantuan. Sektor swasta pula perlulah menganggap ini sebagai sumbangan mereka ke arah membentuk generasi muda Malaysia yang sempurna.

14. Guru-guru yang diberi tanggungjawab oleh masyarakat bagi mengisi pendidikan persekolahan harus berikhtiar meningkatkan lagi dedikasi masing-masing. Guru-guru merupakan pelindung kanak-kanak daripada gejala-gejala yang merosakkan, kejahatan dan kepalsuan.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

15. Ibumama sebagai pemimpin keluarga perlu memahami sepenuhnya keperluan kesihatan dan proses pengasuhan kanak-kanak. Mereka adalah model dalam semua aspek perkembangan anak-anak. Justeru

itu segala tingkah laku, hujah-hujah yang dikeluarkan, makna dan hakikat aksi dan reaksi ibubapa dalam interaksi mereka seharian, akan didengar, ditapis dan dihayati oleh anak-anak sebagai model ikutan. Kaedah-kaedah disiplin yang digunakan secara langsung dan tidak langsung, mempengaruhi seluruh perkembangan emosi, mental dan personaliti anak. Potensi yang terdapat dalam diri anak memerlukan bimbingan dan dorongan untuk berkembang ke tahap yang optima. Jelaslah peranan ibubapa yang diamanahkan oleh Tuhan terhadap anak-anak, merupakan asas pembangunan manusia yang sempurna.

Dengan itu, marilah kita bersama-sama mengkaji faktor-faktor ini supaya ibubapa dapat memainkan peranan masing-masing sebagai pemimpin utama dalam proses pengasuhan kanak-kanak.

16. Akhir kata saya merayu kepada masyarakat negara ini supaya menyedari tanggungjawab terhadap kanak-kanak dan memberi perhatian serius kepada keperluan-keperluan mereka.

Sebagai ibubapa dan anggota masyarakat yang diamanahkan untuk melindungi dan mendidik anak-anak kita, saya percaya kita semua merasa bangga dan bertanggungjawab menyertai sambutan Hari Kanak-Kanak Sedunia. Saya berdoa semoga segala usaha dan acara semasa memperingati Hari Kanak-Kanak Sedunia diberkati Tuhan dan akan membuahkan hasil yang diharapkan, sesuai dengan tema Hari Kanak-Kanak Sedunia tahun ini 'Kedamaian Teras Kesejahteraan Kanak-Kanak'.

Terima kasih.